
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

HKP 214 - PENULISAN KREATIF DAN PENYUNTINGAN I

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH soalan. Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan 1 (Bahagian A) dan soalan 7 (Bahagian D) adalah soalan wajib. Pilih dan jawab DUA soalan lagi daripada Bahagian B dan Bahagian C.

Jawab Bahagian A dan Bahagian B dalam buku jawapan yang berasingan dengan Bahagian C dan Bahagian D.

Bahagian A

1. Apakah benar pandangan ramai orang bahawa hanya orang berbakat boleh menjadi pengarang karya kreatif? Bincangkan.

[100 markah]

Bahagian B

2. Menurut pengarang Perancis, Raymond Queneau (1973), satu peristiwa yang terjadi boleh ditulis berkali-kali oleh orang yang sama menjadi 99 variasi cerita. Jika peristiwa yang sama ditulis oleh orang yang berlainan, variasinya akan terserlah dalam pelbagai sudut pula.

Merujuk kepada pandangan tersebut, tuliskan sebuah cerita sepanjang tiga halaman tentang seorang pemuda yang dengan sengaja memijak kaki seorang wanita warga emas di dalam sebuah bas. Kisahkan perlanjutan daripada peristiwa tersebut.

[100 markah]

3. Dalam tradisi lisan Melayu, Tenggang diceritakan sebagai anak yang derhaka kepada ibunya, lantas disumpah oleh ibunya menjadi batu kerana terluka akan sikapnya.

Dengan menggembelngkan daya kreatif anda berdasarkan teori kreativiti yang telah anda pelajari, dalam tiga halaman, tulis kembali cerita Tenggang itu dengan menterbalikkan kisahnya daripada kisah yang asal itu.

[100 markah]

4. Gambar di bawah menunjukkan seorang bayi yang baharu dilahirkan dibuang di kawasan semak. Apakah perasaan anda apabila melihat gambar ini? Dalam 30 baris, tulis sebuah sajak untuk menerangkan perasaan anda tentang gambar ini.

[100 markah]



Sumber:

<https://www.google.com/search?hl=en&site=imghp&tbn=isch&source=hp&biw>

Bahagian C

5. Untuk menghasilkan naskhah drama pentas, Kirszner & Mandell (2007) telah menggariskan beberapa elemen yang perlu difikirkan oleh seseorang penulis. Jelaskan dan bincangkan elemen-elemen tersebut.

[100 markah]

6. Dengan menggunakan kreativiti anda, hasilkan skrip drama pentas sepanjang tiga halaman berkenaan isu-isu dalam media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan Instagram. Gunakan tiga watak sahaja untuk menghasilkan skrip tersebut.

[100 markah]

Bahagian D

7. Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan lakukan penyuntingan substantif terhadap petikan tersebut.

Suasana tegang dalam ruang berhawa dingin itu, tegangkan lagi keadaan. Sunyi dan sepi yang membelit dewan mahkamah tinggi Kota Kinabalu, bagaikan ular tedung halimunan yang melingkari tubuhnya. Berbaur perasaan yang merumpun dalam hatinya. Cahaya yang redup dalam dewan mahkamah itu, bagai awan mendung ditutupi oleh awan kelabu menanti hujan turun. Sesuram nasib dirinya yang bergantung pada pukulan hujung tukul tuan hakim.

...4/-

Dengan pandangan mata yang sayu, sempat dia mengerling ke arah para hadirin sejenak. Dari riak muka mereka, ternyata debar dan resah turut merajai semua hadirin, pihak keluarga si mangsa, pihak keluarga pesalah. Dia memandang ke arah Emily yang tenggeleng-geleng ada sisa air mata di atas pipinya, sambil tangannya menunjukkan dada, dan sangat difahami Raina kekesalan Emily atas semua yang terjadi cukup buat hatinya rawan. Namun, apabila teringatkan Damit lelaki berusia 40-an itu, amarah terus merajai segenap ruang dadanya.

Namun, walaupun gelodak memburu damai yang tak pernah kunjung tiba semenjak dia menikahi Damit sebulan lalu. Raina yang berpakaian baju banduan seragam biru berdiri di dalam kandang dakwaan itu, tegang tetap memperlihatkan wajah yang tenang. Walaupun dihambat resah berpanjang-panjangannya sejak peristiwa hitam yang menghancurkan luluhkan hatinya, dia tetap pasrah untuk menerima apapun hukuman yang akan dijatuhkan ke atas pundaknya sebentar lagi.

'Aku redha, malah serahkan sepenuhnya pada Tuhan nasibku ini,' desis pedih hatinya. Dia menghela nafas berat, namun cuba dilepaskan dengan bersahaja. Di atas pentas, di tepi atas meja, hujung kiri dan kanan meja hakim, berdiri tiang bendera Malaysia dan Sabah. Di sebelah kanan tepi dinding pula berdiri patung putih dengan mata dibaluti kain hitam jadi buat penghias di situ. Tidak, fikirnya, patung itu bukan sekadar penghias tapi lambang keadilan!

Tapi apakah keadilan itu benar-benar wujud di mahkamah dunia yang dikuasai rata-rata lelaki ini? Apakah keadilan memang pernah wujud untuk kaum wanita yang teraniaya seperti Emily?

[100 markah]